Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan sahaja.

1 (a) Gambar di bawah menunjukkan suatu pemilikan perniagaan.

Berdasarkan gambar di atas,

i. Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut dan jenis aktiviti yang dijalankan. [2 markah]

ii. Terangkan **dua** kelebihan bentuk pemilikan perniagaan di a (i). [4 markah]

(b) Jelaskan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia pada era :

i. Selepas merdeka [2 markah]

ii. 1990-an [2 markah]

2 (a)

> Nik Azmi telah menceburi perniagaan pengeluaran minuman ringan dengan jenama “Pop Soda “ setelah berhenti kerja dari sebuah Syarikat Penerbitan.
>
> Bagi mengembangkan perniagaannya, Nik Azmi merancang untuk meluaskan pasaran ke Jakarta, Indonesia. Namun beliau menghadapi masalah apabila mengeksport barang kerana tidak dapat berjumpa dengan pengimport-pengimport dari Negara Indonesia.

Berdasarkan situasi diatas, namakan agensi kerajaan yang terlibat dan peranannya dalam membantu perkembangan aktiviti perniagaan tersebut. [6 markah]

(b) Jelaskan maksud inflasi dan langkah mengatasinya. [4 markah]

3 (a) Terangkan **dua** sumber pembiayaan dalaman. [4 markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan logo suatu agensi kerajaan.

AGRO BANK
Sentiasa di sisi Anda

i. Jelaskan jenis bantuan kewangan yang disediakan agensi di atas. [4 markah]

ii. Selain Agrobank, nyatakan **dua** agensi kerajaan lain yang turut memberi bantuan pembiayaan. [2 markah]

4 (a) Gambar 2 menunjukkan beberapa sumber bagi sebuah agensi pengiklanan.



i. Nyatakan **dua** sumber utama agensi pengiklanan berkenaan. [2 markah]

ii. Nyatakan **dua** langkah prosedur pengurusan sumber bagi 4 (a) i. [4 markah]

(b) Jelaskan perkaitan antara pengurusan sumber di atas. [4 markah]

5 (a) Bagaimanakah ciri keperibadian kreatif dan inovatif dapat membantu seseorang usahawan berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburinya. [2 markah]

(b) Bezakan kos tetap dan kos berubah. [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat AZAC.

Syarikat AZAZ ialah pengeluar kasut sukan berjenama AZAC di Perlis. Maklumat berikut berkaitan dengan kos dan harga jualan kasut sukan tersebut:

Kos tetap	RM50,000	
Kos berubah seunit	RM	25
Harga jualan seunit	RM	50

Lakarkan graf Titik Pulang Modal (TPM) bagi pengeluaran kasut sukan Syarikat AZAZ. [4 markah]

6 (a) Maklumat berikut berkaitan perniagaan milik Encik Arif.

Tahun	Penerangan
2006	Memulakan perniagaan menjual sate menggunakan motosikal.
2012	Membuka sebuah restoran dan mempunyai empat orang pekerja.
2018	Memiliki lima cawangan restoran dan menjadi pembekal sate sejuk beku di beberapa pasaraya di Perlis.

Nyatakan **tiga** ciri keperibadian usahawan yang dimiliki Encik Arif. [3 markah]

(b) Gambar di bawah berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.



Berdasarkan gambar di atas, terangkan **dua** ciri lokasi yang sesuai bagi perniagaan tersebut. [4 markah]

(c) Nyatakan **tiga** contoh dokumen dalam rekod jualan. [3 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

7 Puan Zubaidah bercadang untuk memperkembangkan perniagaan kosmetiknya. Beliau memerlukan modal sebanyak RM90,000 dengan kadar segera untuk mengubahsuai kedai dan membeli peralatan untuk membuat kosmetik di kedai baharunya yang terletak di Bandar Kangar. Oleh itu beliau ingin memohon pinjaman untuk memperkembangkan perniagaannya. Di samping itu beliau mempunyai simpanan barang kemas yang mempunyai nilai terkumpul RM120,000.

(a) Jelaskan **tiga** sumber pembiayaan luaran yang dapat membantu beliau merealisasikan hasratnya. [7 markah]

(b) Terangkan strategi pemasaran yang mesti dilakukan oleh Puan Zubaidah. [8 markah]

8 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Analisis Nisbah Asas dua buah firma yang menjalankan perniagaan pasar raya runcit 2018.

	Firma A Pasaraya Iman (RM)	**Firma B Pasaraya Jaya (RM)**
Kos jualan	144,600	125,500
Untung bersih	105,500	86,600
Modal awal	198,800	184,400
Liabiliti semasa	10,600	11,100
Aset semasa	14,100	13,100

Firma manakah yang mencapai prestasi yang baik dalam perniagaan. Beri alasan. [7 markah]

(b) Cadangkan cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan operasi perniagaan yang berprestasi rendah. [8 markah]

9 (a) Encik Arbaie baharu saja memulakan perusahaan menghasilkan jersi bolasepak berjenama NIKI yang mensasarkan sekolah-sekolah sekitar Perlis untuk saiz pasarannya.

Jelaskan **empat** faktor penyumbang untuk Encik Arbaie memulakan perniagaannya Arbaie? [8 markah]

(b) Nyatakan :

i. Tiga jenis dokumen perniagaan yang perlu disimpan oleh Encik Arbaie.
[3 markah]

ii. Dua dokumen yang perlu digunakan dalam urusniaga kredit antara Encik Arbaie dengan pihak sekolah. [2 markah]

(c) Encik Arbaie telah menyediakan rancangan perniagaan untuk memohon pembiayaan dari Moybank Berhad untuk menambah modal perniagaannya. Nyatakan **dua** lagi pihak yang mempunyai kepentingan terhadap rancangan perniagaan. [2 markah]

Bahagian C

(20 Markah)

Soalan ini **wajib** dijawab.

10 Jenama Nasi Kak Mah menjadi mangsa ciplak perusahaan Nasi Kak Mah yang cukup terkenal di negeri ini memberi amaran untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menggunakan jenama itu tanpa kebenaran.

Meskipun sudah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia(MyIPO) lima tahun lalu, Nasi Kak Mah telah menjadi mangsa tidak bertanggungjawab yang menciplak jenama itu bagi mengaut keuntungan mudah.

Perniagaan nasi campur yang mula bertapak lebih 30 tahun lalu memiliki nama kukuh di negeri ini menyebabkan ramai yang menciplak dan menggunakan jenama itu. Mastura Ibrahim, pewaris perniagaan yang merupakan anak kepada Allahyarham Mah Hassan mengatakan bahawa jenama Nasi Kak Mah sudah diciplak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga boleh didapati di seluruh negeri ini bahkan menular ke Kuala Lumpur dan Selangor.

Tambahnya lagi, dia menafikan sekeras-kerasnya bahawa selain daripada enam cawangan Nasi Kak Mah di sekitar Kota Bahru dan tidak membuka sebarangan cawangan lain termasuk banyak dibuka di Kuala Lumpur. Namun ramai pihak yang menganggap ia adalah perusahaan yang sama. Ada pihak yang membuat aduan kepada pihak berwajib supaya mengarahkan mereka membayar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana kononnya mereka memiliki puluhan cawangan seperti yang didakwa.

Oleh itu, Mastura Ibrahim telah menghubungi pihak berkuasa dan terpaksa beberapa kali ke pejabat kerajaan untuk menerangkan dan menujukkan bukti bahawa hanya enam sahaja cawangan Nasi Kak Mah yang asal dan selain itu adalah tiruan.

Selain Jalan Telipot, cawangan Nasi Kak Mah terletak di Jalan Sultan Yahya Petra, Bandar Baru Kubang Kerian, Pasir Hor, Bandar Satelit Pasir Tumboh dan Taman Sari. Mastura yang juga berkata, lebih mengusutkan keadaan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan menjalankan aktiviti berhutang dan menyamar sebagai pemilik Nasi Kak Mah, sekaligus mencalarkan imej perusahaan itu.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :

(a) Nyatakan jenis perniagaan Kak Mah. [1 markah]

(b) Terangkan **empat** kelebihan perniagaan Kak Mah. [4 markah]

(c) Nyatakan dan jelaskan **tiga** bahagian fungsian yang terdapat dalam perniagaan nasi Kak Mah. [9 markah]

(d) Jelaskan kesan kepada perniagaan Nasi Kak Mah akibat menjadi mangsa ciplak.
[3 markah]

(e) Wajarkah Kak Mah menfranchaiskan perniagaan nasi beliau? Berikan alasan anda.
[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.